

## **BN sedia hadapi tentangan sengit di Kajang**

**Free Malaysia Today**

**28 February 2013**

**Oleh Ikhwan Zulkaflee**

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata Barisan Nasional (BN) bersedia menghadapi tentangan sengit dalam pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang.

Dalam satu sidang media selepas Mesyuarat Ahli Majlis Tertinggi BN hari ini, Najib berkata bahawa jentera BN komited dan amat bersedia menghadapi PRK Kajang.

“Keseluruhannya, jentera BN amat komited dan sdg berjalan dengan lancar untuk memberi sokongn yang padu kepada calon kita.

“Kita lihat bahawa sambutan menggalakkan walaupun kita tidak menafikan bahawa BN akan menerima tentangan yang hebat daripada calon yang akan bertanding tetapi kita tahu bahawa calon kita (Datin Paduka Che Mei Fun) seorang yang disenangi oleh masyarakat tempatan dan (mempunyai) prestasi yang baik, pendirian yang tegas, seorang yang mahu memberi khidmat banyak kepada pengundi di kawasan Kajang,” tambahnya lagi.

Najib bagaimanapun tidak menamakan calon yang bakal memberikan tentangan sengit kepada BN itu.

SPR telah menetapkan 23 Mac sebagai tarikh pengundian PRK Kajang dan 11 Mac sebagai hari penamaan calon.

BN telah menamakan Mei Fun sebagai calonnya manakala Ketua Umum Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim, bekas ahli kabinet Datuk Zaid Ibrahim dan penyanyi dangdut Herman Tino telah menyatakan akan bertanding.

Sementara itu, menyentuh mengenai kekosongan kerusi DUN Balingian, Najib berkata BN kini sedang menunggu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan tarikh pengundian bagi kerusi tersebut.

“Kita sedang menunggu tarikh pilihan raya yang akan ditentukan oleh SPR.

“Parti Pesaka Bersatu Bangsa Sarawak (PBB) dan BN Sarawak akan sediakan calon yang paling sesuai bagi kawasan tersebut,” tambah Najib.

Najib turut mengumumkan Datuk Seri Adnan Satem akan menjadi Pengerusi BN Sarawak atas kapasitinya selaku Ketua Menteri Sarawak dan Presiden PBB.

Sementara itu, dua buah parti iaitu Persatuan India Malaysia dan Parti Punjabi Malaysia telah sah menjadi parti komponen BN.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/02/28/bn-sedia-hadapi-tentangan-sengit-di-kajang/>